

23 NOV 1996

M'SIA IKRARKAN LEBIH BANYAK PELABURAN DI MINDANAO

MANILA, 23 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan kepada Presiden Filipina Fidel Ramos bahawa Malaysia akan meningkatkan pelaburan di Mindanao memandangkan konflik antara kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro telah diselesaikan.

Ramos dan Mahathir mengadakan rundingan di sini pada tengah hari ini, butiran mengenainya dikeluarkan kepada media melalui satu kenyataan kemudian.

Menurut kenyataan itu Ramos mengakui kenyataan Dr Mahathir bahawa pentadbirannya kini boleh memberi tumpuan kepada perkara-perkara lain yang akan dapat mempercepatkan pembangunan ekonomi Filipina.

Ramos juga memberitahu Dr Mahathir bahawa kerajaan Filipina bersungguh-sungguh dan ikhlas untuk berunding damai dengan kumpulan-kumpulan bersenjata yang lain di Mindanao, terutama sekali dengan Barisan Pembebasan Islam Moro.

"Saya harap ini akan membuka jalan kepada lebih banyak pelaburan di Mindanao daripada negara-negara Asean yang lain," Ramos dipetik sebagai berkata.

Kedua-dua pemimpin juga menyatakan rasa puas hati mereka terhadap tahap kemajuan hubungan politik dan ekonomi.

Mereka juga berikrar untuk mempercepatkan pembangunan di Kawasan Pertumbuhan Asean Timur (EAGA) dalam usaha untuk memperbaiki taraf kehidupan penduduk di koridor pembangunan itu.

Dr Mahathir dan Ramos juga menyentuh sesetengah perkara yang berkaitan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik yang sedang berlangsung di sini di mana para pemimpin akan bertemu di Teluk Subic pada hari Isnin. -- BERNAMA

MAM SIA